

06 JUL 2002

Lim-Kempen/I

DAP LANCAR FASA KEDUA KEMPEN "NO TO 929"

PULAU PINANG, 6 Julai (Bernama) -- DAP hari ini melancarkan fasa kedua kempen kesedarannya yang bertemakan "No to 911, No to 929, Yes to 1957" di Pulau Pinang untuk mendapatkan sokongan orang ramai supaya Malaysia tidak dijadikan sebuah negara Islam.

Pengerusi Kebangsaannya, Lim Kit Siang berkata dalam kempen ini parti itu akan mengagihkan poster-poster percuma menampilkan Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj dengan mesej beliau -- "Don't Turn Malaysia Into An Islamic State" -- kepada orang ramai bermula di Jalan Prangin, hari ini.

Beliau berkata selain daripada poster-poster, DAP juga akan menjual bukunya yang bertema "No to 929" pada harga RM5 setiap satu dan berharap dapat menjual sebuah buku di setiap sebuah rumah yang dilawati.

Bercakap di persidangan berita di ibu pejabat DAP di sini, beliau berkata parti itu akan cuba mendapatkan satu undi daripada setiap orang untuk menghalang Malaysia dijadikan sebuah negara Islam. Kempen kesedaran itu pertama kali dilancarkan pada Mei 2002.

Dalam melancarkan fasa kedua kempen itu, Lim mengulangi yang kempen untuk mempertahankan Perlembagaan Merdeka 1957, dan Perjanjian Malaysia 1963 bukan bersifat anti-Melayu atau anti-Islam tetapi untuk mengesahkan negara ini ialah sebuah negara demokratik, sekular, berbilang agama, toleran dan progresif dengan Islam sebagai agama rasmi tetapi Malaysia masih bukan sebuah negara Islam -- sama ada mengikut model Islam atau Pas.

Beliau berkata, pendirian kita ialah Islam ialah agama rasmi tetapi Malaysia bukan negara Islam seperti pendirian rasmi tiga Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman, Tun Razak dan Tun Hussein Onn dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di tahun-tahun awal pemerintahannya.

Lim juga berkata yang DAP menjangka menerima satu laporan daripada peguam-peguam parti pada minggu depan sama ada tindakan jenayah atau sivil perlu diambil terhadap Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik kerana cuba menggambarkan kempen DAP itu sebagai anti-Melayu dan anti-Islam.

Beliau berkata para peguam parti telah diberi arahan untuk mengkaji ucapan Dr Lim yang dibuatnya semasa merasmikan persidangan perwakilan Gerakan Pulau Pinang di sini pada 23 Jun. Dalam ucapan itu Dr Lim didakwa berkata kempen "No to 929" DAP itu bertujuan melagakan orang Islam dengan bukan Islam.

Beliau berkata kempen itu adalah bagi semua kaum dan agama di negara ini.

Sementara itu Lim juga menyeru Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mengesahkan atau menjelaskan sama ada benar atau tidak dakwaan Biro Publisiti Pusat Keadilan (CPB) yang Umno dari dahulu lagi mempunyai agenda sulit untuk menjadikan Malaysia sebuah negara Islam memandangkan Anwar juga berada dalam Umno selama 18 tahun.

Beliau berkata kenyataan CPB Keadilan disiarkan oleh akhbar-akhbar Cina hari ini.

-- BERNAMA

ZU PR